

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : CADANGAN MENAMBAHKAN BILANGAN PENERIMA FOODSTAMPS**

281. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak.*
- b) Nyatakan jumlah penerima *Foodstamps* sejak ia dilancarkan dan jumlah perbelanjaan Kerajaan?

**JAWAPAN:**

- b) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan Negeri Selangor dan kerjasama Hijrah Selangor telah melaksanakan Program Bantuan Makanan Asas 'Smart Selangor Food Stamp' sejak Jun 2016 yang melibatkan sebanyak 100 buah keluarga dari setiap DUN dengan nilai peruntukan sebanyak RM50.00 bagi setiap keluarga pada tahun 2016 dan 2017. Pemberian bantuan ini diberikan kepada keluarga termiskin yang memenuhi kriteria tertentu dan telah dikenal pasti oleh pihak Pusat Khidmat Masyarakat di kawasan masing-masing tanpa mengira bangsa, kaum serta fahaman politik.

Bagi tahun 2016, sebanyak RM2,116,800.00 telah dibelanjakan dan dimanfaatkan oleh 5,600 buah keluarga dari setiap Dewan Undangan Negeri di Selangor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1,960,000.00 merupakan nilai barang bantuan makanan asas yang diberikan, iaitu RM50.00 bagi setiap set barang bantuan makanan asas yang dibekalkan selama 7 bulan kepada 100 buah keluarga dari setiap 56 DUN. Sebanyak 8% atau RM156,800.00 bersamaan RM400.00 bagi setiap trip ke setiap DUN di Selangor. Caj pengurusan ini adalah termasuk kos logistik, kos penghantaran dan kos pekerja bagi menjayakan program ini.

Program ini diteruskan pada tahun 2017 dengan perbelanjaan sebanyak RM3,656,800.00. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM3,360,000.00 adalah merupakan nilai barang yang diberikan, iaitu RM50.00 bagi setiap set bekalan barang bantuan makanan asas selama 12 bulan kepada 100 buah keluarga dari setiap 56 DUN. Begitu juga dengan caj perkhidmatan sebanyak 8% iaitu RM268,800.00 bersamaan RM400.00 bagi setiap trip logistik dan kos pekerjaan bagi memastikan penghantaran selamat diterima di Pejabat Khidmat Masyarakat. Penyediaan beg secara *one off* turut disediakan bagi memudahkan penerima bantuan program ini membawa pulang ke rumah pada

setiap kali menerima barang makanan asas di Pejabat Khidmat Masyarakat dengan melibatkan kos sebanyak RM28,000.00.

Ringkasan perbelanjaan bagi pelaksanaan Bantuan Makanan Asas ‘Smart Selangor Food Stamp’ adalah seperti berikut :-

TAHUN 2016			JUMLAH
Jumlah Penerima	5,600 buah keluarga		
Barangan Bantuan Makanan Asas	RM50.00 x 100 keluarga x 56 DUN x 7 bulan	RM1,960,000.00	<b>RM2,116,800.00</b>
Caj Perkhidmatan	8%	RM156,800.00	

TAHUN 2017			JUMLAH
Jumlah Penerima	5,600 buah keluarga		
Barangan Bantuan Makanan Asas	RM50.00 x 100 keluarga x 56 DUN x12 bulan	RM3,360,000.00	
Caj Perkhidmatan	8%	RM268,800.00	<b>RM3,656,800.00</b>
Pembekalan Beg Smart Selangor Food Stamp	RM5.00 x 5,600 penerima	RM28,000.00	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : MODEL 'AGROFORESTRY' NEGERI SELANGOR**

282. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam mewujudkan satu model 'Agroforestry' Negeri Selangor

**JAWAPAN:**

- a) Pada ketika ini, belum ada satu dasar yang ditetapkan bagi mewujudkan model Agroforestry di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, perbincangan ke arah mewujudkan dasar tersebut bersama dengan pihak Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah pun mula diadakan bagi melihat dan memperincikan faktor-faktor yang membolehkan dasar tersebut dilaksanakan. Antara perkara paling utama yang diberikan perhatian adalah untuk memastikan ekosistem hutan terus dipelihara dan mengelakkan penerokaan hutan secara tidak sah untuk tujuan pertanian daripada berlaku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : HASIL PASIR**

283. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah royalti pasir yang diperolehi Kerajaan Negeri dari 2014-2017?
- Senaraikan secara terperinci semua syarikat yang menuruskan hasil pasir di Selangor?

**JAWAPAN:**

- Jumlah kutipan royalti bagi bahan batuan pasir adalah seperti pecahan berikut :

Tahun	Jumlah Kutipan Royalti
2014	RM 10,573,441.00
2015	RM 23,982,871.53
2016	RM 14,761,852.22
2017	RM 15,113,296.00 Kemaskini sehingga 30 September 2017

- Senarai syarikat yang menguruskan pasir di Selangor adalah seperti berikut :

Daerah	Nama Syarikat
Kuala Langat	i. Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) ii. Banting Resources Sdn. Bhd. iii. Bukit Changgang Bricks Sdn. Bhd.
Kuala Selangor	i. Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) ii. KL Larut Sdn. Bhd. iii. Prive Sdn. Bhd.
Gombak	Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB)
Hulu Langat	i. Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) ii. Expedion Sdn. Bhd.
Hulu Selangor	Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB)
Petaling	Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB)
Sepang	Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR SELANGOR**

284. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status penstrukturran semula industri air Selangor berkenaan dengan penilaian bebas terhadap nilai syarikat SPLASH? Apakah cara-cara yang boleh, telah dan akan digunakan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah yang tertimbul dalam proses pengambilalihan SPLASH?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)**

285. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sebab Kerajaan Negeri masih gagal menandatangani IBR?
- b) Apakah kerajaan negeri ada mekanisme lain yang lebih baik daripada IBR?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor merupakan negeri yang paling awal menyatakan kesediaan untuk mendukung Ikrar Bebas Rasuah (IBR). Perkara ini telah dimaklumkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor sewaktu Pengarah SPRM Negeri Selangor membuat kunjungan hormat kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor. Kerajaan Negeri juga tuntas mendukung segala usaha untuk membanteras amalan rasuah di pelbagai peringkat termasuk usaha-usaha yang dilaksanakan oleh SPRM. Namun begitu, Kerajaan Negeri bersama-sama pihak SPRM Negeri Selangor telah mengadakan beberapa siri perbincangan untuk menambah baik dan memuktamadkan kandungan IBR.
- b) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan beberapa mekanisme untuk memastikan semua EXCO dan penjawat awam bebas dari rasuah dengan:
  - i. Mengisi Borang Pengisyiharan Kepentingan setiap kali Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) diadakan;
  - ii. Merakamkan pengisyiharan kepentingan di dalam minit Mesyuarat MMKN bagi kertas-kertas yang melibatkan Ahli MMKN;
  - iii. Menandatangani Ikrar Integriti Korporat (*Corporate Integrity Pledge*) oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah/Tanah dan Badan Berkanun Negeri.

Kerajaan Negeri juga sentiasa berusaha untuk memastikan tadbir urus organisasi dan penginstitusian integriti dilaksanakan secara efisien dalam membendung sebarang bentuk salah laku di kalangan penjawat awam terutamanya yang melibatkan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Dalam mencapai hasrat ini, antara dasar dan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, termasuklah:

- i. Mewujudkan hubungan langsung dengan pihak SPRM Negeri Selangor serta pihak Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) di Ibu Pejabat SPRM dalam mengambil langkah pencegahan serta penguatkuasaan terhadap jenayah salah laku rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa;
- ii. Mewujudkan hubungan langsung dengan Unit Integriti di setiap jabatan/agensi dalam memberikan penerangan berkenaan integriti dan dalam masa yang sama membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi di kalangan kakitangan masing-masing;
- iii. Mengadakan kursus, seminar, bengkel dan taklimat berhubung tata kelakuan dan salah laku rasuah;
- iv. Mengedarkan risalah-risalah berkaitan tata kelakuan dan salah laku rasuah;
- v. Memberikan komitmen akan turut serta menjayakan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dan mewujudkan inisiatif-inisiatif dalam membendung gejala rasuah; dan
- vi. Menyediakan saluran aduan integriti yang melibatkan penjawat awam melalui emel, talian telefon, faks, surat dan *walk-in* di Unit-unit Integriti yang ditubuhkan bagi memudahkan penyaluran aduan integriti sama ada dari kalangan kakitangan mahu pun orang awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : AIR SELANGOR**

286. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejak pengambilalihan urusan air, nyatakan penambahbaikan yang telah berjaya dilaksanakan.
- b) Nyatakan apakah perkara-perkara yang belum selesai atau yang masih dalam perundingan? Terangkan.

**JAWAPAN:**

- a)
  1. Setelah mengambil alih operasi dan pengurusan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (“SYABAS”) dan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd (“PNSB”) dan Konsortium ABASS Sdn Bhd, Kerajaan Negeri Selangor melalui Air Selangor telah melaksanakan penambahbaikan dalam pengurusan dan operasi perkhidmatan bekalan air untuk menjamin perkhidmatan bekalan air yang terurus dan holistik berdasarkan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban, efisien dan kos efektif di samping dapat meneruskan Program Air Percuma kepada seluruh rakyat.
  2. Bagi memastikan sumber bekalan air terawat mencukupi untuk rakyat di Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah drastik dengan memperuntukkan pembiayaan sebanyak RM778 juta melalui Belanjawan 2016 bagi melaksanakan pembangunan sumber air baru sebagai satu penyelesaian segera (*quick measures*) untuk meningkatkan ketersediaan sumber bekalan air di Negeri Selangor, sementara menanti siap dan beroperasinya Projek Langat 2 pada tahun 2019. Dua projek telah dilaksanakan adalah:
    - 2.1. Loji Rawatan Air Labohan Dagang, Kuala Langat yang dijangka mampu membekalkan air sebanyak 400JLH ; dan
    - 2.2. Loji Rawatan Air Semenyih 2, Jenderam Hilir dengan kapasiti sebanyak 100JLH.

3. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Air Selangor telah mengambil langkah-langkah berikut:-

- 3.1. Memperluaskan pasukan *sanitary survey* ke semua Lembangan Sungai di Negeri Selangor;
- 3.2. Menggunakan teknologi terkini untuk memantau kualiti air di lembangan-lembangan sungai. Melalui pemantauan yang baik, pelepasan air mentah dari empangan dapat dikawal dan melalui pengawalan pelepasan air empangan yang efektif, kedudukan paras empangan dapat dipertingkatkan. Kedudukan paras empangan setakat 31 Oktober 2017 menunjukkan kedudukan paras simpanan yang baik.

<b>Empangan</b>	<b>Baki simpanan pada 31 Oktober 2017 (%)</b>
Sungai Selangor (SSD)	96.73
Sungai Tinggi (STD)	93.44
Sungai Semenyih	100
Sungai Langat	100
Sungai Batu	78.69
Klang Gates	100
ORS Labu	99.62
Tasik Subang	96.67

- 3.3. Melaksanakan pelbagai program transformasi melalui pengenalan polisi-polisi baharu, pewujudan sistem perolehan yang lebih telus, penambahbaikan prosedur operasi standard dan pelbagai lagi inisiatif-inisiatif transformasi bukan sahaja untuk mengekalkan standard perkhidmatan air yang terbaik tetapi juga untuk mewujudkan suasana kerja yang lebih efektif dan harmoni.
- 3.4. Menitik beratkan bahawa semua pelantikan kontraktor atau pembekal dibuat secara tender terbuka. Air Selangor juga telah memperkenalkan Polisi Tiada Hadiah ("No Gift Policy") dan memaklumkan polisi baharu ini kepada pembekal dan kontraktor dalam usaha mendukung prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban, efisien dan kos efektif.
- 3.5. Melaksanakan kerja-kerja penggantian paip di seluruh Selangor melibatkan 84 kawasan *hotspot* dengan jumlah panjang paip sebanyak 422.50 km. Kerja-kerja penggantian paip ini telah bermula semenjak tahun 2016 dan dijangka akan siap pada tahun

2019. Setelah 422.50km ini disiapkan, Air Selangor akan meneliti semula paip-paip lain yang memerlukan penggantian.

- 3.6. Melaksanakan kerja-kerja untuk menurunkan kadar NRW bagi mencapai sasaran ke tahap 25% pada tahun 2025.
- 3.7. Memastikan semua sistem agihan sedia ada dapat berfungsi dalam merealisasikan matlamat untuk mengujudkan sistem agihan penyambungan saling (*inter-connection*). Melalui sistem ini, pembekalan air kepada pengguna tidak akan terjejas, sekiranya berlaku henti tugas mana-mana loji. Pembekalan air loji yang henti tugas boleh ditampung oleh bekalan air daripada loji rawatan air.
- 3.8. Mengaktifkan simpanan air di dalam kolam sedia bagi memastikan paras kolam-kolamimbangan sentiasa penuh kerana operasi sebelum ini lebih banyak menumpukan kepada sistem *by pass* dan kolam-kolam dibiarkan kosong dan tidak digunakan.
- 3.9. Menambah Perkhidmatan Makmal Dalaman dalam usaha untuk memastikan kualiti air yang dibekalkan mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Air Selangor menggunakan perkhidmatan di tiga (3) Makmal Dalaman Air Selangor di LRA SSP 2, LRA Sg Labu dan LRA Sg Semenyih, sebagai analisa pemeriksaan balas kualiti air berbanding dengan perkhidmatan Makmal Bebas swasta. Ketiga-tiga makmal dalaman ini telah mendapat pentaulahan akreditasi Sistem Pengurusan Makmal yang ditetapkan di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM).
- 3.10. Menambah baik Perkhidmatan Pelanggan dengan melaksanakan:-
  - a) permohonan akaun bekalan air yang lebih mudah dan cepat. Sekarang, penghuni/penyewa premis yang tiada surat jual beli atau surat perjanjian penyewaan boleh memohon bekalan air dengan menandatangani surat kebenaran dan aku janji. Dengan terlaksananya inisiatif ini, Air Selangor menjangkakan pengurangan di dalam bilangan kes penyambungan bekalan air tidak sah.
  - b) mengedarkan risalah berkenaan Bil Air Tinggi (High Water Bill) di semua Pejabat SYABAS bagi memberitahu orang

ramai berhubung punca-punca bil air tinggi dan cara-cara untuk menanganinya. Inisiatif ini bukan sahaja dapat mendidik orang ramai tentang hal berkaitan bil air tinggi, malahan dapat mengurangkan rungutan dan aduan orang ramai kerana isu tersebut dapat ditangani oleh pelanggan sendiri.

- c) Mengaktifkan penggunaan telefon dan email bagi pengguna untuk memohon salinan Bil Air, penggantian meter air, pemotongan bekalan air sementara, ujian meter air tanpa perlu pergi ke pejabat SYABAS.
  - d) Memendekkan tempoh pemulangan wang deposit apabila akaun bekalan air ditutup tanpa perlu menunggu 21 hari daripada pada tarikh penutupan akuan untuk mendapatkan balik wang deposit.
  - e) memperkenalkan sistem pengurusan perhubungan pelanggan dan pengebilan baharu yang dijangka akan beroperasi pada awal tahun 2018. Sistem berintegrasi sepenuhnya ini akan memanfaatkan lebih daripada 10 juta pengguna di seluruh negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.
  - f) Mempelbagaikan pendidikan kepada Pengguna dengan melaksanakan “Kempen Jom Jimat Air” dan melancarkan Program Jimat Air dengan mengenalkan penggunaan bidal air kepada pengguna.
4. Dari semasa ke semasa, Kerajaan Negeri atau melalui Air Selangor akan mengumumkan perkembangan terkini tentang pencapaian di dalam penyampaian perkhidmatan bekalan air yang terbaik, bukan sahaja di Malaysia malahan di seluruh rantau ini.
5. Namun demikian, dalam memastikan perkhidmatan bekalan air yang terbaik, Air Selangor memerlukan perbelanjaan yang amat tinggi untuk mengendali dan menyelenggarakan sistem rawatan dan agihan bekalan air.
- b)
- 1. Pada ketika ini, rundingan bagi pengambilalihan SPLASH oleh Kerajaan Negeri Selangor bersama dengan Kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) masih berjalan. Beberapa perkara sedang diteliti oleh semua pihak untuk pastikan

terma-terma komersial bagi pengambilalihan SPLASH tidak akan memberi kesan negatif kepada rakyat.

2. Mengikut perancangan, pengambilalihan SPLASH sepatutnya dimuktamadkan pada 05 Oktober 2017, namun menerusi surat Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air bertarikh 28 September 2017, pihak KeTTHA telah mencadangkan supaya tempoh tersebut dilanjutkan kepada sembilan (9) iaitu sehingga 4 Julai 2018 supaya usaha-usaha pengambilalihan SPLASH dapat dilaksanakan.
3. Kerajaan Negeri Selangor masih menunggu nilai pengambilalihan SPLASH yang dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan berdasarkan kepada penilaian yang dibuat oleh pihak Delloite sebelum memuktamadkan pengambilalihan SPLASH.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : BENTERAS DADAH**

287. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha pencegahan dan penyalahgunaan dadah di Selangor selaras dengan Negara Bebas Dadah 2015?
- b) Apakah peranan yang dimainkan oleh PEMADAM Selangor untuk isu di atas?
- c) Berapa peruntukan kepada PEMADAM bagi memperkasakan institusi ini?

**JAWAPAN:**

- a) Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha pencegahan dan penyalahgunaan dadah di Selangor selaras dengan sasaran Negara Bebas Dadah 2015 seperti berikut :
  1. **Faktor diri sendiri, keluarga dan masyarakat** yang membuatkan peningkatan kes berulang secara mendadak sebanyak 82.68% daripada 1905 kes tahun 2015 kepada 3480 kes tahun 2016. Kes-kes berulang disebabkan oleh penerimaan negatif keluarga dan masyarakat terhadap bekas penagih serta kesukaran mereka mendapatkan pekerjaan merupakan faktor kembali berulang kes penagihan dadah.
  2. **Kemunculan jenis dadah baharu** yang menyumbang peningkatan penyeludupan, pengedaran dan penyalahgunaan dadah di kalangan belia. Dadah era baru seperti pil sintetik, vape perasa ketum, dadah berbentuk gula-gula yang menyebabkan ianya sukar dikesan oleh pihak berkuasa.
  3. **Faktor geografi** di mana kedudukan negara kita yang berhampiran dengan kawasan pengeluaran dadah "Segi Tiga Emas" serta faktor kawasan pengairan yang panjang dan sukar dikawal. Selain itu, terdapat banyak laluan tikus di sempadan Malaysia-Thailand menyukarkan operasi membanteras jenayah merentasi sempadan yang turut terkesan kepada Negeri Selangor sebagai negeri termaju di Malaysia dengan aktiviti pengedaran dan penyalahgunaan dadah.
  4. **Pihak berkuasa kekurangan tenaga operasi** dalam melakukan serbuan secara berterusan. Selain itu kebocoran maklumat operasi juga menjadi kekangan kepada pihak berkuasa untuk membanteras gejala dadah.

- b) Peranan yang dimainkan oleh PEMADAM Selangor bagi isu di atas adalah seperti berikut :
- i. Mendidik orang ramai mengenai bahaya penggunaan dadah melalui program pendidikan pencegahan dan penerangan, melalui seminar, ceramah dan kursus.
  - ii. Mengumpul dan menyampaikan pendapat-pendapat pakar mengenai penggunaan dadah dan menganjurkan Seminar, Majlis Dialog, Forum dan kursus-kursus.
  - iii. Bekerjasama dengan jabatan-jabatan Kerajaan yang berkaitan dan lain-lain pertubuhan sukarela atau NGO dalam usaha mencegah dan menghapuskan penggunaan dadah.
- c) PEMADAM Selangor ada menerima **geran peruntukan** daripada Kerajaan Negeri dari tahun 2006 hingga tahun 2015 seperti berikut :

<b>Bil</b>	<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Peruntukan (RM)</b>
1	2006	150,000.00
2	2007	150,000.00
3	2008	200,000.00
4	2009	150,000.00
5	2010	150,000.00
6	2011	150,000.00
7	2012	150,000.00
8	2013	150,000.00
9	2014	100,000.00
10	2015	100,000.00

Walau bagaimanapun keputusan **Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 21/2015 pada 1 Julai 2015** yang disahkan oleh MMKN Ke 22/2015 pada 8 Julai 2015 telah **memutuskan tiada saluran geran peruntukan kepada semua NGO** di Negeri Selangor mulai tahun 2016 termasuklah PEMADAM Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD. (KSSB)**

288. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan prestasi kewangan KSSB dari tahun 2014-2017?
- Berapakah jumlah dividen yang dibayar oleh KSSB kepada Kerajaan Negeri bagi tempoh tersebut?

**JAWAPAN:**

- Prestasi kewangan beraudit KSSB bagi tahun 2014 – 2017 adalah seperti berikut:-

Tahun	Pendapatan (RM'Juta)	Keuntungan Kasar (RM'Juta)	Keuntungan Operasi* (RM'Juta)
2008	4.8	2.0	1.2
2009	31.0	13.4	9.1
2010	61.3	27.0	20.0
2011	84.4	33.3	25.1
2012	63.5	26.2	19.9
2013	71.0	24.8	18.2
2014	118.0	42.9	31.5
2015	114.7	33.7	26.3
2016	82.8	13.8	4.5
2017	<i>Masih belum lengkap, tidak muktamad dan tidak beraudit.</i>		

\* EBITDA

- Dividen yang dibayar oleh KSSB kepada Kerajaan Negeri bagi tempoh 2014 – 2017:-

Perkara/Tahun	RM'Juta			
	2014	2015	2016	2017
Dividen Diisyiharkan	10.7	7.2	-	-
Dividen Dibayar	-	-	3.3	0.6

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : *EAST COAST RAIL LINE (ECRL)***

289. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah Kerajaan Negeri dimaklumkan tentang rancangan Kerajaan Persekutuan berkenaan sebahagian *East Coast Rail Line (ECRL)* di Negeri Selangor?
- b) Adakah Kerajaan Negeri ada maklumat tentang ECRL fasa kedua yang menghubungi ITT Gombak-Pelabuhan Klang?
- c) Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap projek ini?

**JAWAPAN:**

- a), b) dan c)

Melalui penelitian saya, dua soalan telah ditanyakan tentang perkara berkaitan *East Coast Rail Link (ECRL)*. Soalan-soalan tersebut datangnya dari:

No Soalan	Nama ADUN	Tajuk Soalan
110	Gombak Setia	<b>PROJEK LANDASAN KERETAPI PANTAI TIMUR (ECRL)</b>  a) Apakah status terkini tanah-tanah yang terlibat dengan projek Keretapi Laju ke Pantai Timur.  b) Berapakah pampasan yang penduduk akan perolehi

Izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung status pelaksanaan projek *East Coast Rail Link (ECRL)*.

Tuan Speaker,

1. Pembangunan projek Laluan Rel Pantai Timur (*East Coast Rail Link - ECRL*) hanya dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri Selangor melalui mesyuarat

penubuhan Jawatankuasa Pemandu Projek Laluan Rel Pantai Timur Bil.1/2017 pada 25 Januari 2017 bertempat di Kementerian Kewangan, di mana Kerajaan Negeri Selangor dilibatkan di dalam jawatankuasa tersebut.

2. Lanjutan daripada mesyuarat itu, pihak Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL), selaku pemaju projek yang dilantik telah memohon untuk mengadakan kunjungan hormat kepada Dato' Menteri Besar Selangor pada 20 Julai 2017 bagi membincangkan pelaksanaan projek ECRL yang akan melibatkan sebahagian kawasan di dalam Negeri Selangor. MRL merupakan sebuah anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan dan adalah pemilik aset ECRL.
3. Di pihak Kerajaan Negeri, itu sahaja pemakluman tentang pelaksanaan projek ECRL Fasa Pertama iaitu bagi jajaran Kota Bharu ke ITT Gombak dan masih terlalu awal untuk Kerajaan Negeri memberi apa-apa ulasan tentang projek ini. Berhubung dengan projek ECRL Fasa kedua yang menghubungkan ITT Gombak ke Pelabuhan Klang, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang maklumat tersebut.
4. Oleh yang demikian, pada masa ini, tiada sebarang keputusan di peringkat Kerajaan Negeri Selangor berhubung dengan pembangunan projek *ECRL*. Bagi menjawab pertanyaan oleh Yang Berhormat Gombak Setia, Kerajaan Negeri belum menerima apa-apa permohonan berkaitan tanah-tanah yang terlibat. Oleh itu, tiada sebarang perbincangan berkaitan perihal tanah mahupun jumlah pampasan yang akan diberikan kepada penduduk terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MENYELURUH DI SELANGOR**

290. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi dan inisiatif kerajaan untuk memastikan pembangunan ekonomi menyeluruh termasuk semua daerah-daerah di Selangor?
- b) Apakah setiap daerah di Selangor mempunyai potensi dan prospek pembangunan sosioekonomi berfokus?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sentiasa peka dengan keperluan setiap daerah dalam aspek pembangunan bagi memastikan keseimbangan kemajuan di seluruh Negeri Selangor. Namun begitu, tidak dinafikan terdapat sesetengah daerah di negeri ini yang lebih membangun jika dibandingkan dengan daerah-daerah lain. Hal ini disumbangkan oleh beberapa faktor penentu seperti infrastruktur, kemudahan dan kesesuaian lokasi mengikut pembangunan. Daerah yang memperoleh status bandar mempunyai kemudahan dan infrastruktur yang lebih lengkap seterusnya mampu menarik pelabur untuk memajukan lagi kawasan terbabit. Selain itu, lokasi bersesuaian juga mampu menarik minat pelabur berdasarkan kepada keperluan dan kehendak bagi pelaburan tersebut.

Bukti bahawa Kerajaan Negeri sentiasa mengamalkan keadilan dan mempraktikkan pembangunan ekonomi menyeluruh di setiap daerah adalah kejayaan Kerajaan Negeri membasmikan kemiskinan di bandar dan luar bandar berdasarkan kepada laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang mendedahkan keseluruhan kadar kemiskinan Negeri Selangor berkurangan daripada 0.2 peratus pada tahun 2014 kepada 0.0 peratus pada tahun 2016. Jabatan Perangkaan juga dalam laporannya menyebut bahawa kadar ketidaksaksamaan berkurangan di Selangor dan ia disebabkan dasar serta prinsip ketelusan pentadbiran negeri.

Ini jelas menunjukkan Kerajaan Negeri tidak pernah meminggirkan mana-mana daerah sama ada berstatus bandar atau luar bandar dalam usaha untuk memastikan pembangunan yang dilaksanakan memberi manfaat kepada semua. Walaupun telah berjaya membuktikan tadbir urus yang dilaksanakan berkesan dan mencapai kejayaan, Kerajaan Negeri sentiasa menggembung

tenaga, menggandakan usaha dan merangka strategi serta inisiatif bagi melebarkan golongan kelas menengah dengan lebih pantas selaras dengan slogan ‘Hasil Negeri untuk Rakyat’, yang mana sebahagian kekayaan negeri dikembalikan semula kepada rakyat khususnya kepada golongan yang memerlukan.

Kerajaan Negeri telah merangka strategi dan inisiatif pembangunan ekonomi secara menyeluruh di semua daerah-daerah di Selangor melalui perancangan pembangunan di peringkat akar umbi, antaranya dengan memperkenalkan program-program kebajikan yang dilaksanakan sejak tahun 2008, iaitu Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang dahulunya dikenali sebagai Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Antara program-program yang dilaksanakan adalah:

1. **Bas Smart Selangor** yang merupakan perkhidmatan bas percuma mula dilaksanakan pada 1 Julai 2015 dengan mengambilkira aspek-aspek seperti pemilihan laluan di kawasan berkepadatan tinggi untuk disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah. Keutamaan laluan adalah di kawasan yang tiada perkhidmatan bas sedia ada, manakala lokasi tumpuan adalah seperti pusat membeli belah, pejabat-pejabat kerajaan dan kemudahan awam.
2. **Skim Hijrah Selangor** yang merupakan skim mikrokredit kepada golongan miskin untuk membantu berhijrah kepada golongan berpendapatan kelas menengah. Sehingga 31 Julai 2017, seramai 38,914 orang telah mendapat manfaat melalui program ini dengan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sebanyak RM240,385,500.00.
3. **Dana Usahawan Mikro Selangor** iaitu insentif kepada usahawan muda berjumlah RM10,000 kepada RM30,000 bagi setiap permohonan sebagai galakan kepada usahawan muda meningkatkan produktiviti dan pasaran produk yang seterusnya dapat mentransformasikan taraf hidup ke suatu tahap yang lebih tinggi.
4. **Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan** yang berbentuk penajaan bagi golongan masyarakat individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil. Program ini dilaksanakan dengan pemberian bantuan peralatan/mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan. Antara lima (5) skop utama perusahaan adalah seperti jahitan, perniagaan makanan, perniagaan runcit, pengasuh kanak-kanak dan kraftangan. Sehingga 31 Julai 2017, jumlah penerima manfaat bagi Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan adalah seramai 3,264 orang.

5. **Bekalan Air 20m<sup>3</sup> Percuma** merupakan insentif Kerajaan Negeri bagi meringankan beban kehidupan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah akibat daripada kadar sara hidup dan inflasi yang tinggi dengan menawarkan air bersih sebanyak 20 meter padu, bersamaan dengan 20,000 liter atau 5,680 gelen, setiap bulan bersamaan RM11.40 secara percuma untuk rakyat. Faedah ini adalah untuk semua tanpa mengira taraf ekonomi, kaum, fahaman politik, asalkan tinggal di Selangor, berhak mendapat air percuma tersebut, setiap bulan. Sehingga 31 Julai 2017, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM1,354,206,738.00 bagi membiayai bekalan percuma ini.
  6. **Skim Peduli Sihat** adalah penyediaan perkhidmatan percuma penjagaan kesihatan untuk 250,000 keluarga atau sejuta rakyat Selangor yang mempunyai pendapatan isi rumah RM3,000 ke bawah. Kerajaan Negeri memperuntukkan RM125 juta setahun bagi skim ini yang diuruskan oleh Selgate Corporation selaku Third-Party Healthcare Administrator. Peruntukan tersebut merangkumi pembiayaan rawatan kesihatan asas (*primary care*) setiap keluarga yang layak sehingga RM500 setahun. Setiap peserta akan menerima kad kesihatan Peduli Sihat yang membolehkan pemegang akaun utama serta tanggungan, isteri juga anak di bawah 21 tahun menerima rawatan doktor (*general practitioner*) di klinik berdaftar menurut had gunaan dan kelayakan ditetapkan.
- b) Setiap daerah di Selangor mempunyai potensi dan prospek pembangunan sosioekonomi yang berbeza. Dalam pelaksanaan hala tuju pembangunan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri memberi fokus kepada perkongsian kekayaan secara inklusif melalui penglibatan ekonomi yang menyeluruh oleh setiap daerah. Bagi memastikan pertumbuhan ekonomi di setiap daerah terus kukuh dan berkembang maju, konsep pembangunan Negeri Selangor adalah ke arah pembangunan wilayah bandar berdasarkan kepada pengkhususan fungsi bandar.

Sebagai contoh, pembangunan Daerah Hulu Selangor memfokuskan kepada pembangunan bandar industri automotif. Pelan pembangunan yang komprehensif telah dirangka bagi menyediakan infrastruktur yang bersepadu, moden dan canggih bagi membolehkan bandar ini berperanan sebagai nodus perkembangan sektor automotif di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa memberi galakan berterusan terhadap pembangunan industri berteknologi tinggi bagi berhadapan dengan cabaran globalisasi dan pengekalan momentum ekonomi. Perkembangan industri automotif di daerah ini dijangka akan menarik lebih ramai pelabur ke Negeri Selangor dan menyumbangkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada rakyat tempatan. Taman Pengilangan Bernilai Tinggi UMW di Serendah merupakan

antara pelaburan berimpak tinggi di daerah ini yang memberi tumpuan kepada pengukuhan aeroangkasa dan industri lain yang berkaitan dengan pengilangan pintar. Taman berkeluasan 344 hektar tersebut merupakan projek pembangunan bercampur yang menampilkan kemudahan pengeluaran UMW Aerospace bagi selongsong kipas enjin aero untuk *Rolls-Royce*. Ianya dijangka akan bertindak sebagai pemangkin untuk menarik pelaburan bernilai tinggi yang lain di daerah tersebut.

Manakala bagi Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam pula, fokus pembangunan ekonomi daerah ini menjurus kepada pertumbuhan industri pertanian dan asas tani. Kerajaan negeri akan terus berusaha memastikan pembangunan pertanian adalah seiring dengan pertumbuhan sektor-sektor lain bagi memastikan kelangsungan sumber makanan utama negara iaitu padi. Bagi memperkasakan industri pertanian, Kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mewujudkan inovasi terkini bagi meningkatkan produktiviti dan nilai tambah industri pertanian di zon utara Negeri Selangor.

Pembangunan pesat yang sedang meledak di Daerah Sepang bukan sahaja menjadikan daerah ini terkenal di Malaysia malahan turut menarik tumpuan pelancong dari seluruh pelosok dunia memilih untuk ke lokasi yang memiliki pelbagai fasaliti bertaraf dunia itu. Selain Litar Antarabangsa Sepang, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KLIA2 yang merupakan pintu masuk utama negara adalah antara kebanggaan penduduk Sepang. Cyberjaya sebagai ikon pusat teknologi telah berjaya dikomersilkan sehingga menjadi bualan pelabur-pelabur antarabangsa. Projek pembangunan terbaharu berkonsepkan bandar pintar, Selangor Cyber Valley (SCV), berkeluasan 526 hektar merupakan bukti pembangunan terancang yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan daerah ini tidak terpinggir dalam kerancakan arus pembangunan di Negeri Selangor. Projek bandar pintar yang mula dibangunkan pada 2006 dengan nama asalnya Taman Sains Selangor II ini merupakan pembangunan bercampur merangkumi kediaman, taman industri, pusat komersial dan institusi pendidikan yang dilengkapi dengan saluran rangkaian kabel gentian optik berkelajuan tinggi selain peranti pengesanan alam sekitar bagi tujuan indikasi kualiti udara selain kemudahan awam.

Contoh-contoh tersebut jelas menunjukkan Kerajaan Negeri mempunyai perancangan berfokus bagi mengimbangi pembangunan di setiap daerah di Negeri Selangor mengikut potensi dan prospek pembangunan sedia ada. Melihat kepada perkembangan dan pertumbuhan ekonomi yang di kecapi oleh Negeri Selangor sebagai penyumbang utama keluaran dalam negara kasar (KDNK) nasional jelas membuktikan perancangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri membawa hasil dan perlu diteruskan malah boleh menjadi contoh kepada negeri-negeri lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : STATUS TERKINI PEMBINAAN LADANG KHINZIR MODEN DI SELANGOR**

291. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terbaru pembinaan sebuah ladang khinzir moden (*Modern Pig Farm*) di Selangor?
- b) Sila memberikan butir-butir pembinaan ladang tersebut merangkumi keluasan tapak, kos pembinaan, lokasi tempat dan cara operasi.
- c) Sila menyenaraikan nama-nama penternak khinzir di Kuala Langat dan Sepang.

**JAWAPAN:**

- a) dan b)

Bagi pelaksanaan penternakan khinzir secara moden atau *Modern Pig Farming (MPF)*, Kerajaan Negeri tiada halangan dengan keputusan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia yang telah mengeluarkan satu dasar agar semua negeri melaksanakannya pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, bagi pembinaan sebuah ladang khinzir moden secara bersepadu di Ladang Tumbok, Daerah Kuala Langat, Kerajaan Negeri pada dasarnya bersetuju dengan konsep tersebut. Namun begitu, penilaian cadangan dari pihak yang berminat dari segi konsep pembinaan dan juga keupayaan kewangan masih lagi di peringkat penelitian oleh Kerajaan Negeri. Ini adalah kerana perkara utama yang amat dititikberatkan oleh Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan pihak-pihak yang berkepentingan memperoleh manfaat atau situasi ‘menang-menang’ atas cadangan projek jika ianya dilaksanakan. Dari segi kos pelaksanaan pula, Kerajaan Negeri sama sekali tidak akan mengeluarkan sebarang peruntukan memandangkan ianya akan dilaksanakan secara *Private Finance Initiative (PFI)*.

- c) Senarai nama penternak khinzir di Daerah Kuala Langat adalah seperti berikut:-

BIL	KOD LADANG	NAMA SYKT/PEMILIK	NO K/P	ALAMAT	BIL SPP
1	S 102	TAN CHIN LAI	690608-10-5363	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	820
2	S 105	TIU YEE CHANG	800627-04-5495	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	4040

BIL	KOD LADANG	NAMA SYKT/PEMILIK	NO K/P	ALAMAT	BIL SPP
3	S 106	CHUA KEE KENG	731129-10-5153	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	2780
4	S 108	YAP HOCK CHUAN	630930-05-5507	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	2680
5	S 109	CHIA GUEK KIAW	790420-10-5626	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1520
6	S 110	YAP HOCK CHUAN	630930-05-5507	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1450
7	S 111	CHIA SWAI YONG	581205-10-6393	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	2040
8	S 112	LEH AH HOW	480927-10-5883	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	3330
9	S 113	TIN FAH TONG	611022-05-5241	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	4530
10	S 114	CHUA SEW HONG	610612-10-6323	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	2380
11	S 115	LEE HAI GUAN	541203-10-5075	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	4530
12	S 116	LEY AH KWEE	571003-10-5799	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1800
13	S 118	TONG MIN TECK	630701-10-8417	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	2060
14	S 119	TAN HIM PING	631002-05-5437	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1620
15	S 120	CHIAH SONG KENG	621019-10-7452	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	3610
16	S 122	LIM KAH SHEN	931201-10-5593	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1610
17	S 123	NG SWEE KENG	711005-10-5794	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	800
18	S 124	CHNG TEK HAI	571014-10-5655	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1180
19	S 125	TAN YOU CHONG	441020-10-5357	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	660
20	S 126	TAN SENG TECK	630322-10-7625	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1610
21	S 127	WONG SONG SUN	720705-10-5167	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1560
22	S 128	CHUA KEE CHEONG	670514-10-5663	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1180
23	S 129	CHIA TEE NANG	440910-10-5207	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	2000
24	S 130	NAI CHER CHIEN	790627-10-5375	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1710
25	S 131	LEY AH KWEE	571003-10-5799	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	600
26	S 132	LEE LAY HENG	650114-10-6925	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1750
27	S 133	LIM JU HUAT	631029-10-6337	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	2360
28	S 134	YAP CHUN FATT	630205-10-6471	LOT 1871 LADANG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1290
29	S 135	LIM BEE KEONG	501128-10-5457	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	920
30	S 136	YAP CHUN FATT	630205-10-6471	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1710
31	S 138	CHIA SIANG CHEH	630805-10-6707	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1610
32	S 139	CHIA CHAI WEE	570613-10-6401	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1610
33	S 140	CHIN SENG KOK	650829-10-5053	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1420
34	S 141	LIM WAH POO	580315-10-5741	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	500
35	S 142	CHIAH SONG KENG	621019-10-7452	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	2120
36	S 146	LEE BOON CHUAN	860924-43-5187	LOT 230 BT UNTONG 42800 TG SEPAT	940
37	S 147	NAI KOON YONG	690601-10-5125	LOT 229 BT UNTONG 42800 TG SEPAT	1610
38	S 148	CHIA CHING YANG	670320-10-5745	LOT 231 BT UNTONG 42800 TG SEPAT	2030
39	S 149	CHIA CHIN ANN	710724-10-6043	LOT 231 BT UNTONG 42800 TG SEPAT	1520
40	S 150	LIM WEI HWA	681003-10-6967	LOT 385 & 386 BT UNTONG 42800 TG SEPAT	2140
41	S 152	LIM KENG BON	600809-10-5819	LOT 415 BT UNTONG 42800 TG SEPAT	1340
42	S 153	LIM BOON CHONG	510317-10-5469	LOT 181 BT UNTONG 42800 TG SEPAT	970
43	S 154	TAN KIM SEONG	720907-10-5237	LOT 233 BT UNTONG 42800 TG SEPAT	1890
44	S 155	KUCK SER MING	700126-10-5949	LOT 234 BT UNTONG 42800 TG SEPAT	1230
45	S 157	CHEW KIAM LEONG	671221-10-6181	LOT 4773 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	1000

BIL	KOD LADANG	NAMA SYKT/PEMILIK	NO K/P	ALAMAT	BIL SPP
46	S 158	TEOH YEU HOCK	781122-10-6175	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	2560
47	S 159	LIM FU BENG	810122-10-5703	LOT 273 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	840
48	S 160	LEE HOCK KEONG	671215-10-5633	LOT 265 JLN TG LAYANG 42800 TG SEPAT	950
49	S 161	LEE SEH TEE	750715-10-5627	LOT 359 BT UNTONG 42800 TG SEPAT	900
50	S 162	ENYO HIM LAI	390205-10-5129	LOT 398 KG BT UNTONG 42800 TG SEPAT	930
51	S 163	CHUWA LEONG KIM	661224-10-5601	LOT 167 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	1900
52	S 164	LIM CHIN HOOI	601102-10-5481	LOT 167 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	3030
53	S 165	LIM GIOK LIN	651122-10-5273	LOT 167 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	900
54	S 166	LIM KHAI SEAN	830322-10-5095	LOT 167 BT 33 BT LAUT 42800 TG SEPAT	3000
55	S 169	YONG SIN HOOI	610203-05-5449	LOT 166 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	1140
56	S 171	LIM JOK CHAI	641023-10-6597	LOT 165 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	1040
57	S 172	LIM FU BENG	810122-10-5703	LOT 273 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	770
58	S 173	LIM BOON HUA	760401-10-5295	LOT 164 A TG LAYANG 42800 TG SEPAT	1850
59	S 174	CHIA JIN HOCK	730210-10-5113	LOT 272 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	1000
60	S 175	EE CHIN SEN	700624-05-5091	LOT 167 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	1800
61	S 176	TEH KOK HIONG	581116-71-5007	LOT 270 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	1040
62	S 177	HENG NGEE KIN	721112-10-5721	LOT 159 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	1860
63	S 179	LIM LIH BANG	721030-10-5285	LOT 266 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	1610
64	S 180	YEE TEAN SHEE	691003-05-5177	LOT 266 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	990
65	S 181	LEE HOCK KEONG	671215-10-5633	LOT 265 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	1420
66	S 184	NAI KUN KEE	680922-10-5397	LOT 258/259 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	1000
67	S 186	NAI KUN SENG	630810-10-7501	LOT 258/259 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	2030
68	S 187	SEE REN TZONG	560922-05-5469	LOT 258 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	830
69	S 188	WONG WEE HOW	731110-10-6017	LOT 390 LADANG BEDFORD 42800 TG SEPAT	1900
70	S 189	YONG SIN HOOI	610203-05-5449	LOT 445 LDG BEDFORD 42800 TG SEPAT	1610
71	S 193	LIM SOON SENG	611123-10-6239	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	980
72	S 194	LIM CHIN HEE	620505-10-5869	LOT 198 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	2310
73	S 195	CHUA CHUN LING	710301-10-5735	LOT 352 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	2940
74	S 196	LEE HOCK KEONG	671215-10-5633	LOT 348 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	1950
75	S 197	NAI KOON YONG	690601-10-5125	LOT 259 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	380
76	S 198	KUAN KIAN SENG	740706-10-5503	LOT 375 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	1280
1	S 199	PAU KHEK SENG	710127-05-5495	LOT 161 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	1900
78	S 200	CHIA BOON SENG	681101-10-5239	LOT 10 KANCHONG LAUT 42700 BANTING	2400
79	S 201	LIM CHAI HUAT	541023-10-6169	LOT 11 KANCHONG LAUT 42700 BANTING	2180
80	S 202	LEE CHIN THAI	760701-10-5609	NO 11 KANCHONG LAUT 42700 BANTING	630
81	S 206	ANG LEE BOON	510220-10-6019	LOT 843 & 844 KG PULAU 42700 BANTING	1360
82	S 209	TEE TEONG LUN	640917-10-6903	LOT 606 JLN TELUK BUNUT 42700 BANTING	1900
83	S 211	TAN FAH SING	620405-10-5941	LOT 616 JLN TELUK BUNUT 42700 BANTING	1710
84	S 212	ANG TIAN BOK	581220-10-6383	LOT 616 JLN TELUK BUNUT 42800 TG SEPAT	990
85	S 214	CHUA KEE LOOK	600913-10-5077	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1000
86	S 215	LEE CHONG HAU	881116-43-5253	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	2170

BIL	KOD LADANG	NAMA SYKT/PEMILIK	NO K/P	ALAMAT	BIL SPP
87	S 216	LEY AH KWEE	571003-10-5799	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	970
88	S 217	LEE CHIN THAI	760701-10-5609	NO 11 KANCHONG LAUT 42700 BANTING	1280
89	S 443	LEE WEE YAP	771003-10-5867	LOT 3336 SG BELANKAN 42800 TG SEPAT	1790
90	S 444	LIM ENG HOCK	620705-10-5505	LOT 3333 SG BELANKAN 42800 TG SEPAT	1880
91	S 445	YAP SAY HWA	700503-10-5291	LOT 3330 SUNGAI BELANKAN 43900 SEPANG	950
92	S 521	LIEW SAI WENG	720615-05-5135	LOT 352 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	1070
93	SE 01	CHUANG HOCK MENG	530320-08-5081	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	3030
94	SE 02	CHUANG HOCK MENG	530320-08-5081	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	3230
95	SE 03	YEE CHIN CHIEW	461129-10-5391	LOT 399 BT UNTONG 42800 TG SEPAT	1420
96	SE 04	KARTIGEYAN A/L PIRMALA@PERUMAL	870517-10-5403	LOT 398 BT UNTONG 42800 TG SEPAT	2400
97	SE 05	NGAN PAN LEE	470919-10-5235	LOT 474 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1570
98	SE 06	ANG BAN GIAP	450723-04-5025	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	19560
99	SE 07	YAP CHUN FATT	630205-10-6471	LOT 1871 LADANG TUMBUK 42800 TG SEPAT	7650
100	SE 08	TAN TONG CHAI	580320-10-5009	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	7120
101	SE 09	LEE KUN MENG	600824-10-6027	LOT 357 BT UNTONG 42800 TG SEPAT	2400
102	SE 10	CHIAH SEN WEI	880714-10-5181	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	2120
103	SE 11	YONG SIN HOOI	610203-05-5449	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1810
104	SE 12	TANG TECK SUN	710924-10-5379	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	2790
105	SE 13	CHUA WEE MING	791014-10-5975	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1200
106	SE 14	CHA HAP PU	660606-10-5821	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1100
107	SE 15	YONG SIN HOOI	610203-05-5449	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1940
108	SE 16	CHIAH SWEE NGOH	540213-10-5007	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	2850
109	SE 17	LIM MEANG TAI	770702-10-5415	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1660
110	SE 18	LEONG KWEE CHONG	670116-05-5349	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	2080
111	SE 19	CHIA LENG CHIEW	580302-10-6155	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	2410
112	SE 20	YAP SENG TECK	380901-10-5369	NO 4 LORONG KUIL KG TUMBUK	1030
113	SE 21	PANG YOKE SOON	570520-10-5645	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	1610
114	SE 26	TAN KIM SEONG	720907-10-5237	LOT 233 BT UNTONG 42800 TG SEPAT LOT 328 JLN TOKONG TG LAYANG 42800 TG SEPAT	4620
115	SE 31	LIM KIM SWEET	820519-10-5903	LOT 474 LADANG TUMBUK 42800 TG SEPAT	3510
116	SE 36	CHIA HOO LIAN	670710-10-5126	LOT 474 LADANG TUMBUK 42800 TG SEPAT	4190
117	SE 38	TAN KIM SEONG	720907-10-5237	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	3230
118	SE 41	WONG YOKE TEE	550902-05-5235	LOT 339 LDG BEDFORD 42800 TG SEPAT	3240
119	SE 42	LIM CHE KIEONG	560602-10-5877	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	2220
120	SE 43	LOW HUAT CHENG	561212-10-5163	LOT 1871 LADANG TUMBUK 42800 TG SEPAT	8270
121	SE 44	LIM MEANG TAI	770702-10-5415	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	2860
122	SE 47	PANG YOKE SOON	570520-10-5645	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	2110
123	SE 49	CHUA KEE LOK	600913-10-5077	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	6360
124	SE 50	GOH CHOON HAN	780725-10-5625	LOT 1871 LDG TUMBUK 42800 TG SEPAT	2530
125	SE 55	CHUWA LEONG TURN	760810-10-5261	LOT 463 TG LAYANG 42800 TG SEPAT	4080

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : *EARLY CHILDHOOD CARE AND EDUCATION (ECCE)***

292. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah antara semua bangunan Kerajaan Negeri yang dilengkapi oleh pusat penjagaan kanak-kanak atau tadika?
- b) Apakah usaha kerajaan dari segi polisi dan tindakan dalam membangunkan *Early Childhood Care and Education (ECCE)* di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah bangunan Kerajaan Negeri yang mempunyai pusat penjagaan kanak-kanak berjumlah 14 buah taska. Senarai premis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Agensi Kerajaan Negeri Selangor yang mempunyai pusat jagaan kanak-kanak seperti yang berikut :
  - i) Bangunan SUK Negeri Selangor;
  - ii) Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MBPJ);
  - iii) Majlis Perbandaran Klang (MPK);
  - iv) Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ);
  - v) Majlis Perbandaran Kajang (MPKj);
  - vi) Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA);
  - vii) Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ);
  - viii) Majlis Perbandaran Selayang (MPS);
  - ix) Majlis Perbandaran Kajang (MPKj);
  - x) Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS);
  - xi) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS);
  - xii) Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS).
- b) Kerajaan Negeri secara khusus masih belum mempunyai sebarang polisi berkaitan dengan *Early Childhood Care and Education (ECCE)* di Selangor. Namun begitu, Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dalam aspek program pembangunan pendidikan awal iaitu :
  - i. Program seminar keibubapaan;
  - ii. Seminar pemantapan kemahiran pengajaran dan pembelajaran;
  - iii. Program bantuan Skim Tunas; dan
  - iv. Hari tadika Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : SUMBER PENDAPATAN NEGERI**

293. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sumber pendapatan baru untuk Negeri Selangor dalam 20 tahun akan datang?

**JAWAPAN:**

- a) Sumber hasil Kerajaan Negeri adalah seperti yang termaktub dalam Bahagian 3, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, usaha penerokaan sumber pendapatan baru bagi meningkatkan Hasil Negeri adalah berdasarkan elemen sumber hasil yang boleh dikutip oleh Kerajaan Negeri di bawah kuasa yang diberikan mengikut Perlembagaan Persekutuan iaitu:
- (a) Hasil tanah;
  - (b) Hasil lombong;
  - (c) Hasil hutan;
  - (d) Duti hiburan;
  - (e) Terimaan mengenai bekalan dan perkhidmatan air;
  - (f) Sewa dan jualan harta Negeri;
  - (g) Bayaran fi, denda dan pelucuthakkan mahkamah selain daripada mahkamah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan;
  - (h) Faedah atas baki wang negeri;
  - (i) Bayaran mengenai perkhidmatan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri; dan
  - (j) Harta karun.

Hasil tanah dan hasil urus niaga berkaitan tanah menyumbang sebanyak 80% kepada hasil Negeri. Hasil tersebut masih menjadi penyumbang utama kepada hasil Negeri walaupun Tanah Kerajaan semakin berkurang kerana kuasa-kuasa yang dikurniakan oleh Kanun Tanah Negara kepada Pihak Berkuasa Negeri meliputi :

- i) Memberi milik Tanah Kerajaan secara jualan terus dan tender terbuka;
- ii) Merizabkan Tanah Kerajaan dan memberi pajak tanah rizab;
- iii) Mengeluarkan lesen Pendudukan Sementara atas Tanah Kerajaan, tanah rizab dan tanah lombong;
- iv) Mengeluarkan Permit Bahan Batuan dan Mineral; dan

- v) Mengeluarkan permit penggunaan ruang udara atas Tanah Kerajaan atau tanah rizab.

Antara strategi dan fokus Kerajaan Negeri untuk menjana sumber pendapatan baru adalah:

- 1) Mendapatkan bayaran premium yang belum diterima daripada Kerajaan Persekutuan ke atas tanah yang dibangunkan oleh syarikat konsesi lebuh raya sebagai tapak komersial seperti stesen minyak, restoran, hotel, kedai dan gerai. Kertas cadangan telah dibawa ke peringkat Majlis Kewangan Negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 14 Jun 2016. Perkara ini sedang dalam tindakan Kementerian Kerja Raya;
- 2) Proses menaik taraf tanah dibuat bersekali dengan semakan semula kadar cukai tanah iaitu pada tempoh 10 tahun sekali [Seksyen 101 (5) (b)]. Kali terakhir proses menaik taraf tanah diadakan pada tahun 1995. Kesemua PDT akan memuktamadkan kawasan yang akan dinaiktaraf sebagai bandar atau pekan untuk diangkat ke pertimbangan MMKN dan seterusnya diwartakan mengikut Seksyen 11 (c) (a) dan Seksyen 11 (d) Kanun Tanah Negara 1965. Hasil Kerajaan Negeri akan meningkat kerana sebahagian besar kawasan yang terlibat adalah kawasan industri dan bangunan di mana cukai yang dikenakan ketika ini adalah kadar tanah luar bandar;
- 3) Pelaksanaan kadar cukai petak dan pengenaan fi cukai petak bagi pembangunan berstrata ke atas kaedah-kaedah hak milik strata Negeri Selangor selaras dengan pindaan Akta Hak milik Strata (Pindaan 2016) (A1518) bagi semua daerah di Negeri Selangor yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2018. Melalui pelaksanaan cukai petak ini, hasil kerajaan akan meningkat kerana:
  - (i) Pemilik petak hak milik strata boleh membayar cukai bagi petak individu sahaja;
  - (ii) Kutipan tunggakan cukai bagi tanah di mana bangunan didirikan boleh diagihkan berkadar dengan unit syer petak;
  - (iii) Memperuntukan prosedur tuntutan kutipan melalui penggubalan kaedah-kaedah hak milik strata Negeri oleh Pihak Berkuasa Negeri;

- (iv) Melantik Pihak Berkuasa Statutori (PBS) sekiranya wujud kegagalan pemilik petak membayar cukai petak serta pelanggaran syarat pada petak;
  - (v) Dapat memperuntukan kuasa kepada PBN untuk membuat kaedah berkenaan pengenaan, perebetan, pembayaran secara ansuran, penangguhan atau apa-apa perkara sampingan melibatkan cukai petak.
- 4) Pemberimilikan tanah Kerajaan secara jualan terus tender terbuka yang telah dilaksanakan melalui Arah Pengarah Tanah dan Galian Selangor bil. 3/2016 bagi tanah-tanah Kerajaan yang berpotensi untuk dibangunkan;
  - 5) Pajakan tanah Kerajaan bagi tujuan tertentu dengan tempoh pajakan maksimum selama 21 tahun dengan kadar pajakan dan sewaan tanah yang ditetapkan;
  - 6) Cadangan pelaksanaan dasar baharu berkaitan Pembangunan Berorientasikan Infrastruktur Awam di Negeri Selangor yang melibatkan pembangunan di kawasan berinfrastruktur awam seperti perkhidmatan transit dan sebagainya. Diantaranya, meningkatkan kepadatan unit rumah di kawasan *Transit Oriented Development (TOD)*.

Selain itu, selaras dengan peruntukan Seksyen 101(5) (b), Kanun Tanah Negara 1965 memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk menyemak semula kadar cukai tanah setiap 10 tahun sekali. Kali terakhir semakan semula cukai tanah adalah pada tahun 2016 yang telah berkuat kuasa bermula pada Januari 2017. Daripada semakan setiap 10 tahun ini, Kerajaan Negeri boleh memperolehi pendapatan daripada hasil cukai tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : KERJA-KERJA PEMBANGUNAN TANAH-TANAH PERSENDIRIAN**

294. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan sejauh manakah Kerajaan Negeri dapat mengatasi kerakusan pengusaha-pengusaha harta tanah persendirian yang tidak mempedulikan keperluan perancangan mengakibatkan banjir lumpur, longkang tersumbat dan aduan kerosakan harta benda?
- b) Nyatakan langkah-langkah baru yang akan dilaksanakan dan apakah kekangan-kekangan yang dihadapi?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri mengambil tindakan penguatkuasaan kepada pengusaha-pengusaha harta tanah melalui Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Kaedah-kaedah Pengawalan Perancangan (Am) (Selangor) 2001 berdasarkan kepada kesalahan berikut :

**1) Penguatkuasaan di bawah Seksyen 26**

Melibatkan kesalahan melanggar seksyen 18 (berlanggaran dengan Rancangan Tempatan), 19 (menjalankan pemajuan tanpa kebenaran merancang) atau 20 (menjalankan pemajuan yang berlawanan dengan kebenaran merancang).

Seksyen 26 (1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan sekiranya disabitkan kesalahan boleh didenda tidak lebih daripada Ringgit Malaysia lima ratus ribu (RM500,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya dan berkenaan dengan suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya sehingga lima ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

**2) Penguatkuasaan di bawah Seksyen 27**

Melibatkan kesalahan melanggar seksyen 19 iaitu menjalankan pemajuan tanpa kebenaran merancang

Seksyen 27 (9), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan sekiranya disabitkan kesalahan boleh didenda tidak lebih daripada Ringgit Malaysia satu ratus ribu (RM100,000.00) atau dipenjarakan

selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan denda tambahan sehingga Ringgit Malaysia lima ribu bagi tiap-tiap hari kehendak-kehendak itu tidak dipatuhi selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

**3) Penguatkuasaan di bawah Seksyen 28**

Melibatkan kesalahan melanggar seksyen 20 iaitu menjalankan pemajuan yang berlawanan dengan kebenaran merancang

Seksyen 28 (9), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan sekiranya disabitkan kesalahan boleh didenda tidak lebih daripada Ringgit Malaysia satu ratus ribu (RM100,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan denda tambahan sehingga Ringgit Malaysia lima ribu bagi tiap-tiap hari kehendak-kehendak itu tidak dipatuhi selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

**4) Penguatkuasaan di bawah Seksyen 29**

Melibatkan kesalahan melanggar seksyen 25 iaitu tidak mematuhi kebenaran merancang atau pelan bangunan yang diubah suai.

Seksyen 29 (4), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan sekiranya disabitkan kesalahan boleh didenda tidak lebih daripada Ringgit Malaysia satu ratus ribu (RM100,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan denda tambahan sehingga Ringgit Malaysia lima ribu bagi tiap-tiap hari kehendak-kehendak itu tidak dipatuhi selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

b) Antara langkah-langkah yang telah dan akan terus dilaksanakan adalah:

- 1) Kerajaan Negeri melalui PBT bersama-sama JPS Negeri melaksanakan 'Ops Lumpur' di mana JPS Negeri adalah sebagai ketua pelaksana.
- 2) Keperluan kajian di peringkat Kebenaran Merancang (KM) diperluaskan dengan Kajian 'Traffic Impact Assessment' (TIA), 'Social Impact Assesment' (SIA) dan 'Environment Impact Assessment' (EIA).
- 3) PBT melaksanakan pemantauan secara berkala di kawasan pentadbiran PBT (kawasan berisiko/ tumpuan pembangunan) dan bercadang untuk mewujudkan ejen pemantauan di lapangan sebagai mata dan telinga untuk melapor kejadian aktiviti pembangunan tanpa kebenaran dengan segera.

- 4) Terdapat PBT yang telah membeli *drone* bagi melaksanakan kerja-kerja pemantauan kerja tanah terutama di kawasan yang tidak dapat dihubungi dengan akses jalanraya dan kawasan berbukit.
- 5) PBT juga mengambil tindakan undang-undang merujuk kepada Akta 133 Seksyen 70(A) dan Seksyen 71 bagi menguatkuasakan ke atas kerja tanah yang dijalankan oleh pengusaha-pengusaha / pemilik-pemilik tanah yang gagal mematuhi kelulusan Pelan Infrastruktur atau menjalankan kerja-kerja tanah tanpa kelulusan PBT di mana kompaun maksimum RM25,000.00 bagi seksyen 70(A) dan RM250,000.00 bagi seksyen 71 akan dikenakan kepada pengusaha atau pemilik tanah. Pemantauan secara berkala sentiasa dijalankan bagi memastikan kegagalan kerja tanah di tapak tidak berlaku.

Dan antara kekangan-kekangan yang dihadapi bagi melaksanakan langkah-langkah baru ini adalah:

- 1) Penduduk masih tidak maklum berkaitan keperluan mengemukakan permohonan kelulusan KM kepada PBT dan kos menjalankan kajian SIA, TIA da EIA adalah tinggi.
- 2) Masalah yang timbul bagi pemantauan kerja tanah ini adalah PBT perlu mengambil masa untuk mengenalpasti pemilik-pemilik lot tanah yang menjalankan kerja tanah kelulusan dengan bantuan Pejabat Tanah.
- 3) PBT ialah tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi bagi mengawal dan memantau aktiviti kesalahan dalam pemajuan disebabkan kawasan pentadbiran yang luas khususnya kawasan luar bandar dan pedalaman.
- 4) PBT kekurangan peruntukan untuk pembelian aset berteknologi seperti *drone* bagi memudahkan pemantauan di kawasan tidak dapat dihubungi dengan akses jalanraya dan kawasan berbukit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PENAMATAN PERKHIDMATAN PERKERJA KONTRAK DAN SAMBILAN**

295. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pekerja kontrak dan sambilan di bawah Kerajaan Negeri Selangor yang ditamatkan perkhidmatannya dan sila nyatakan sebabnya?

**JAWAPAN:**

- a) Secara dasarnya kuasa pelantikan perkhidmatan kontrak telah diturunkan kuasa oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), PSUK, Jabatan Agama Islam Selangor dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor. Urusan Pelantikan dan penamatan perkhidmatan pegawai dan kakitangan kontrak adalah tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008. Sehubungan itu, jumlah pekerja kontrak (*contract of service*) yang ditamatkan pada tahun 2017 adalah seramai 19 orang dan sebab-sebab ditamatkan adalah seperti di Lampiran A adalah data daripada BPSM, PSUK.

Manakala urusan pelantikan pekerja sambilan harian (PSH) adalah tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2011 yang menjelaskan tempoh maksimum perkhidmatan PSH adalah tidak lebih dari tiga (3) bulan. Sekiranya masih terdapat keperluan mendesak, Ketua Jabatan boleh melanjutkan perkhidmatan PSH sehingga tempoh maksimum terakhir/muktamad tiga (3) bulan lagi.

**LAMPIRAN A**

**PEGAWAI KONTRAK MELETAK JAWATAN / TIDAK BERHASRAT SAMBUNG KONTRAK 2017**

BIL	NAMA	JAWATAN/ GRED	PENEMPATAN	TARIKH LETAK JAWATAN	CATATAN
1	Nur Syaibah Binti Kamaruddin	Penolong Pegawai Tadbir Gred N29	Pejabat Menteri Besar Selangor	03.01.2017	Terima Jawatan Tetap
2	Sharul Jinna Teng	Pegawai Tadbir Gred N44	Seksyen Sektoral, UPEN	01.02.2017	Terima Jawatan Tetap
3	Muhammad Faisal Bin Shaibon	Juruteknik Komputer Gred Ft19	Jabatan Mufti Negeri Selangor	16.02.2017	Terima Jawatan Tetap
4	Asnawi Bin Sutris	Pembantu Penguatkuasa Gred Kp19	Bahagian Khidmat Pengurusan, PSUK	01.03.2017	Kontrak Di LUAS Pada 01.03.2017
5	Norezudin Bin Kamaruddin	Penolong Pegawai Tadbir Gred N29	Unit Integriti, PSUK	16.07.2017	Terima Jawatan Tetap Penghulu NP29
6	Mohd Fauzi bin Che Jamil	Pembantu Penguat Kuasa Gred Kp19	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat	16.08.2017	Terima Jawatan Tetap
7	Nurul Alia Farisha binti Othman	Pembantu Operasi Gred N11	Taska, PSUK	07.09.2017	Sambung Belajar UiTM
8	Muhammad Amin bin Ahmad Zaki	Pembantu Awam Gred H11	Jabatan Pengairan Dan Saliran Selangor	01.09.2017	Terima Jawatan Tetap Pembantu Awam H11 Di KKM
9	Zullatif bin Muhamad	Penolong Pegawai Tanah Gred Nt29	PDT Hulu Selangor	02.10.2017	Terima Jawatan Tetap Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa Gred JA29

BIL	NAMA	JAWATAN/ GRED	PENEMPATAN	TARIKH LETAK JAWATAN	CATATAN
10	Anuwaa Bin Mohamad Jalani	Pen. Peg. Perancang Bandar Dan Desa Gred Ja29	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Selangor	04.09.2017	Terima Jawatan Tetap Pegawai Perancang Bandar Dan Desa Gred J41
11	Mohd Izhanizam Bin Ab. Ghani	Peg. Perancang Bandar Dan Desa Gred J41	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Selangor	04.09.2017	Terima Jawatan Tetap Pegawai Perancang Bandar Dan Desa Gred J41
12	Aziz Bin Md Yunan	Pembantu Penguat Kuasa Kp19	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor	19.09.2017	Meninggal Dunia
13	Dzulhazmi Bin Mohamed Zom	Jututeknik Komputer Gred Ft19	Pusat Latihan Awam Selangor	02.10.2017	Terima Jawatan Tetap Juruaudio Visual N19
14	Nurul Fattin Bt Muhamad Yunus	Pembantu Tadbir (Po) Gred N19	Kamar Penasihat Undang-Undang Selangor	16.10.2017	Terima Jawatan Tetap Pembantu Makmal C19
15	Ahmad Faiz Bin Zainuddin	Jurutera Gred J41	Seksyen Agihan Dan Pembangunan, Upen	16.10.2017	Terima Jawatan Tetap
16	Nor Hidayah Binti Mohd Nor	Pembantu Tadbir (Po) Gred N19	Seksyen Sektoral, Upen	16.10.2017	Terima Tawaran PPT N29 (Kontrak)

**PEGAWAI KONTRAK DITAMATKAN JAWATAN/ TIDAK DISAMBUNG KONTRAK 2017**

BIL	NAMA	JAWATAN/ GRED	PENEMPATAN	TARIKH BERKUAT KUASA	CATATAN
1	Syed Mohd Fairul Hafiz Bin Tuan Syed	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19	Perbendaharaan Negeri Selangor	01.07.2017	Tidak Memenuhi Syarat Kelayakan Skim Perkhidmatan
2	Mohd Fadzil Bin Yahya	Pen.Peg.Perancang Bandar Dan Desa Gred Ja29	Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang	01.10.2017	Tidak Memenuhi Syarat Kelayakan Skim Perkhidmatan
3	Muhammad 'Ammar Ridha Bin Nor Ramlee	Penghantar Notis Gred N11	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor	02.01.2018	Tidak Memenuhi Syarat Kelayakan Skim Perkhidmatan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : KILANG ARAK**

296. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kilang arak yang terdapat di Selangor?
- b) Nyatakan jumlah pendapatan Kerajaan Negeri daripada kilang-kilang arak tersebut?
- c) Adakah Kerajaan Negeri tidak berhasrat memindahkan kilang arak ke lokasi yang lebih bersesuaian?

**JAWAPAN:**

- a) dan b)

Terdapat sembilan (9) buah kilang arak yang beroperasi dan diluluskan sejak tahun 1994 sehingga tahun 2008. Selepas tahun 2008, tiada lesen dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan kilang arak. Jadual di bawah menerangkan tentang nama kilang, tahun dilesenkan dan jumlah pendapatan berkenaan.

Jadual 1 : Senarai kilang arak dan jumlah pendapatan daripada kilang arak

PBT	JUMLAH KILANG ARAK	TAHUN KILANG ARAK DILESENKEN	JUMLAH PENDAPATAN YANG DIPEROLEH DARIPADA KILANG ARAK (RM)
MBSA	1) Carlsberg Marketing Sdn. Bhd. No. 55, Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor. 2) Carlsberg Marketing Sdn. Bhd. Lot 22, Jalan Pengapit 15/19, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor.	2008  2007	Fi lesen :4,350.00  Fi lesen :890.00

PBT	JUMLAH KILANG ARAK	TAHUN KILANG ARAK DILESENKAN	JUMLAH PENDAPATAN YANG DIPEROLEH DARIPADA KILANG ARAK (RM)
<b>MBPJ</b>	1) Kilang Guiness Anchor Berhad beralamat di 1135, Jalan Kelang Lama, 47300 Petaling Jaya.	1995	Fi lesen : 240.00 Fi iklan : 4,590.00
<b>MPK</b>	1) Tiong Mak Liquor Trading (M) Sdn. Bhd  2) Vans Inter. W & SPI (M) Sdn. Bhd.  3) Vans Intercontinental Wines & Spirits (M) Sdn Bhd  4) Haijing Enterprise Sdn Bhd  5) Pelican Winery (M) Sdn. Bhd  6) Napex Brewery Sdn.Bhd	1994  2000  2008  2008  2008  2005	2770.00
<b>MPAJ</b>	Tiada		Tiada
<b>MPSJ</b>	Tiada		Tiada
<b>MPS</b>	Tiada		Tiada
<b>MPKJ</b>	Tiada		Tiada

PBT	JUMLAH KILANG ARAK	TAHUN KILANG ARAK DILESENKAN	JUMLAH PENDAPATAN YANG DIPEROLEH DARIPADA KILANG ARAK (RM)
<b>MPSP</b>	Tiada		Tiada
<b>MDKL</b>	Tiada		Tiada
<b>MDHS</b>	Tiada		Tiada
<b>MDKS</b>	Tiada		Tiada
<b>MDSB</b>	Tiada		Tiada

Nota : Sumber data daripada PBT

- c) Terdapat halangan aspek perundangan dan keperluan persetujuan pemilik kilang untuk tujuan pemindahan. Di samping itu, pihak kilang telah membuat pelaburan untuk pembangunan kilang sejak diluluskan mulai tahun 1994 hingga 2008.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : IKRAR BEBAS RASUAH**

297. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendirian kerajaan terhadap Ikrar Bebas Rasuah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor merupakan negeri yang paling awal menyatakan kesediaan untuk mendukung Ikrar Bebas Rasuah (IBR). Perkara ini telah dimaklumkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor sewaktu Pengarah SPRM Negeri Selangor membuat kunjungan hormat kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor. Kerajaan Negeri juga tuntas mendukung segala usaha untuk membanteras amalan rasuah di pelbagai peringkat termasuk usaha-usaha yang dilaksanakan oleh SPRM. Namun begitu, Kerajaan Negeri bersama-sama pihak SPRM Negeri Selangor telah mengadakan beberapa siri perbincangan untuk menambah baik dan memuktamadkan kandungan IBR.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : ISU PERLUMBAAN BASIKAL LAJAK DI SELANGOR**

298. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak.*
- b) *Sub-soalan telah di tolak.*
- c) Apakah langkah pencegahan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk membanteras gejala sosial ini?

**JAWAPAN:**

- c) Kerajaan Negeri memandang serius terhadap masalah gejala sosial dan masalah perlumbaan basikal lajak yang berlaku terutamanya melibatkan remaja. Antara langkah dan cadangan pencegahan yang telah dan akan diambil ialah seperti :
  - i. Mengadakan Kempen kesedaran yang memberi penjelasan mengenai impak buruk lumba basikal lajak. Dalam masa yang sama kempen ini turut menjelaskan tindakan undang-undang yang akan dikenakan terhadap remaja yang didapati bersalah terbabit dalam kegiatan lumba basikal lajak. Kempen ini mudah dilaksanakan namun dapat memberi impak yang efektif berupaya menghalang gejala sosial ini daripada menular dalam jiwa remaja jika dilaksanakan dengan baik;
  - ii. Kerjasama pihak kerajaan dan PDRM dengan mengadakan lebih banyak sekatan jalan raya di kawasan-kawasan berisiko berlakunya perlumbaan basikal lajak ini. Tindakan pihak PDRM yang lebih proaktif menyebabkan remaja berfikir dua kali sebelum terlibat dalam tindakan negatif ini kerana menyedari tindakan mereka sudah dihidu oleh pihak berkuasa. Pihak polis juga perlu membuat pengumuman awal tentang hasrat mereka mengadakan sekatan jalan raya untuk memberi amaran awal kepada remaja supaya tidak terjebak dalam lumba basikal lajak ini;
  - iii. Cadangan kajian semula undang-undang jalan raya dengan memberi fokus kepada undang-undang terhadap perlumbaan basikal lajak perlu dibuat supaya akan memberi kesedaran kepada golongan berbasikal lajak

supaya tidak mendatangkan bahaya kepada diri sendiri dan orang lain; dan

- iv. Program kesedaran kepada ibu bapa perlu dilaksanakan supaya ibu bapa sentiasa mengawasi dan memantau pergerakan anak-anak bagi memastikan mereka tidak terlibat dalam kegiatan lumba basikal lajak dan perkara yang menyalahi undang-undang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : NON REVENUE WATER (NRW)**

299. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sebanyak RM100juta telah diperuntukkan untuk pemasangan paip baru dan RM324juta untuk mengatasi masalah tekanan air di 84 *hotspot*. Apakah status perlaksanaannya yang terkini?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah peruntukkan untuk penggantian paip lama dan pemasangan paip baru sebenarnya adalah berjumlah RM 374 juta bagi tahun 2016 – 2019. Manakala RM100 juta adalah peruntukan pinjaman dan geran dari Kerajaan Negeri bagi tahun 2017.

Status perlaksanaan masalah tekanan air di 84 *hotspot* adalah berkenaan lokasi paip-paip air yang kerap pecah/bocor yang perlu diganti dengan paip baru.

- 23 projek *hotspots* sedang berjalan semenjak tahun 2016 dan dijangka siap pada suku tahun pertama 2018.
- Bagi tahun 2017, sehingga bulan September, 2017, 24 projek *hotspots* baru telah dianugerahkan kepada kontraktor yang berjaya sementara 10 projek *hotspots* lagi sedang dalam peringkat penganugerahan dan dijangkakan akan ditawarkan kepada kontraktor yang berjaya pada tahun ini juga. Kesemua 34 projek *hotspots* ini dijangkakan akan siap pada penghujung tahun 2018.
- Baki 27 *hotspots* lagi akan dilaksanakan pada tahun 2018 tertakluk kepada baki pinjaman sebanyak RM93.70 juta dikeluarkan lebih awal oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2018 dan bukannya pada tahun 2019 seperti yang dijadualkan sebelum ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : PERATURAN MINUM ARAK DI TEMPAT AWAM SEPERTI DI PADANG AWAM**

300. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan terhadap cadangan ADUN Seri Andalas di dalam sidang dewan ini pada Julai 2013, iaitu membuat peraturan minum arak di tempat awam seperti di padang awam?

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa ini, tiada peraturan yang khusus bagi mengawal orang awam yang minum arak di tempat awam seperti di padang awam. Namun, tindakan yang diambil oleh PBT bagi mengawal kegiatan minum arak adalah dengan menyediakan satu garis panduan penjualan minuman keras bagi digunakan oleh PBT kepada peniaga minuman keras yang meliputi perkara-perkara berikut:-
- (1) Mensyaratkan peniaga meletakkan papan tanda larangan menjual minuman keras bagi orang yang berumur 18 tahun ke bawah;
  - (2) Menetapkan jarak lokasi premis perniagaan minuman keras daripada rumah ibadat (masjid, surau, kuil, tokong), pejabat kerajaan, sekolah, hospital dan kawasan perumahan;
  - (3) Mensyaratkan waktu operasi penjualan minuman keras mengikut waktu yang dibenarkan contohnya sehingga jam 12.00 malam; dan
  - (4) Mensyaratkan peniaga untuk memastikan pelanggan tidak minum minuman keras di hadapan premis dan tempat terbuka.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat aduan awam kepada PBT, tindakan yang boleh diambil adalah di bawah Seksyen 82(1), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) iaitu kacauganggu awam. Selain itu, pihak polis boleh mengambil tindakan berdasarkan aduan awam sekiranya mereka membuat kacauganggu di kawasan awam. Bagi orang Islam pula, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 ada memperuntukkan undang-undang di bawah Seksyen 18 (1) dan (2) terhadap orang islam yang didapati bersalah terlibat dengan arak.